

23 APR 1997

Mahathir-Silat

BADAN SENI BELA DIRI PATUT TARIK LEBIH RAMAI REMAJA

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata badan-badan seni bela diri di negara ini seharusnya berusaha menarik lebih banyak remaja menyertai aktivitinya sebagai cara menjauhkan mereka daripada pelbagai gejala sosial yang sedang melanda generasi muda.

Dalam perutusannya pada buku cenderamata Kejuaraan Pencak Silat Dunia 1997 yang bermula malam ini, Dr Mahathir berkata, seni silat melatih peserta berdisiplin dan mempunyai kekuatan diri.

Pelatih dilengkapi dengan ilmu agama, diajar berakhlak, disemai semangat muafakat serta keyakinan diri yang kental, katanya.

Untuk mencapai matlamat berkenaan, badan-badan seumpama itu termasuk Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA), harus juga mengenal pasti mengapa masih tidak ramai belia menyertai seni bela diri, kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata seni itu wajar disemai di kalangan masyarakat pelajar demi menentukan bukan saja warisan budaya bangsa itu terus terpelihara, malah melahirkan generasi muda negara yang teguh peribadinya dan cekal menghadapi sebarang cabaran.

Kejuaraan itu dianjurkan oleh PESAKA dengan kerjasama Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (PERSILAT). Sebanyak 24 negara dengan lebih 400 ahli seni silat menyertai kejuaraan selama lapan itu di Stadium Negara di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Kejuaraan yang juga Timbalan Presiden Pesaka, Abdul Rahman Hassan, berkata kejohanan itu bagi mendorong masyarakat agar benar-benar menghayati pengiktirafan silat sebagai seni bela diri nasional.

Kejuaraan ini adalah yang kesembilan. Yang pertama berlangsung di Jakarta pada 1982.

Seni silat kini diterima sebagai salah satu acara pertandingan pada sukan SEA. -- BERNAMA

RS NMO